



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN SABTU, 26 JULAI 2025



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



26/7/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	PORTAL SEJAGAT MUDAHKAN PILIH TASKA, PUSAT PENJAGAAN DI SELANGOR		POSITIF
	https://www.kosmo.com.my/2025/07/25/portal-sejagat-mudahkan-pilih-taska-pusat-penjagaan-di-selangor/	KOSMO.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	GERAKAN TASKA TAK MAHU AMBIL BAYI		NEUTRAL
	https://www.kosmo.com.my/2025/07/25/gerakan-taska-tak-mahu-ambil-bayi/	KOSMO.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	PENGASUH 'CEKIK DARAH' CAJ SEORANG BAYI RM1,800 SEBULAN		NEGATIF
	https://www.kosmo.com.my/2025/07/25/pengasuh-cekik-darah-caj-seorang-bayi-rm1800-sebulan/	KOSMO.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	LIMA RUMAH MUSNAH DALAM KEBAKARAN DI KAMPUNG HILIR, SIBU		NEGATIF
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/lima-rumah-musnah-dalam-kebakaran-di-kampung-hilir,-sibu	BERITA.RTM.GOV.MY	
	https://suarasarawak.my/oku-terjun-dari-tingkap-selamatkan-diri-dalam-kejadian-kebakaran-di-kampung-hilir/	SUARASARAWAK.MY	
	https://www.utusanborneo.com.my/2025/07/25/lima-rumah-terbakar-di-kampung-hilir-sibu-pagi-ini	UTUSANBORNEO.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



26/7/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	WANITA WARGA EMAS RENTUNG, LIMA RUMAH, KENDERAAN MUSNAH TERBAKAR		NEGATIF
	https://malaysiagazette.com/2025/07/25/wanita-warga-emas-rentung-lima-rumah-kenderaan-musnah-terbakar/	MALAYSIAGAZETTE.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
6	IBU TIRI DISYAKI DERA, KURUNG ANAK 8 TAHUN		NEGATIF
	https://malaysiagazette.com/2025/07/25/ibu-tiri-disyaki-dera-kurung-anak-8-tahun/	MALAYSIAGAZETTE.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
7	KEPUTUSAN KES BEKAS PELAJAR KOLEJ BUNUH BAYI DITETAPKAN 8 OGOS		NEGATIF
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/07/1244781/keputusan-kes-bekas-pelajar-kolej-bunuh-bayi-ditetapkan-8-ogos?source=widget	HMETRO.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/740310/berita/semasa/wanita-campak-bayi-baru-lahir-dari-tingkap-apartmen-menangis-di-mahkamah	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://thesun.my/cerita/berita/mahkamah-tetapkan-ogos-8-keputusan-kes-bekas-pelajar-bunuh-bayi-KE14545438	THESUN.MY	
	https://www.kosmo.com.my/2025/07/25/tertuduh-menangis-menggigil-ketika-cam-gambar-mayat-bayi/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2025/07/1250190/updated-ex-college-student-who-pleaded-guilty-infanticide-faces	NST.COM.MY	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/07/keputusan-kes-wanita-buang-anak-pada-8-ogos/	UTUSAN.COM.MY	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/07/25/ibu-muda-menangis-teresak-esak-dalam-rayuan-kematian-bayi	FREEMALAYSIATODAY.COM	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2025/07/25/young-mum-sobs-as-lawyer-pleads-for-mercy-over-babys-death	FREEMALAYSIATODAY.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



26/7/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/mahkamah-tetapkan-8-ogor-untuk-keputusan-kes-bekas-pelajar-kolej-bunuh-bayi-531190	ASTROAWANI.COM	
	https://www.mingguanwanita.my/campak-bayi-baru-lahir-dari-tingkap-apartmen-wanita-menangis-teresak-esak-di-mahkamah/	MINGGUANWANITA.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
8	MAYAT BAYI DISANGKAKAN PATUNG DITEMUI TERAPUNG DALAM PARIT		NEGATIF
	https://www.utusanborneo.com.my/2025/07/25/mayat-bayi-disangkakan-patung-ditemui-terapung-dalam-parit	UTUSANBORNEO.COM.MY	
	https://www.tvsarawak.my/2025/07/25/mayat-bayi-perempuan-ditemui-dalam-parit-di-kampung-luak/	TVSARAWAK.MY	
	https://suarasarawak.my/penemuan-mayat-bayi-perempuan-gemparkan-penduduk-kampung-luak/	SUARASARAWAK.MY	
	https://dayakdaily.com/body-of-newborn-baby-girl-found-in-drain-at-miris-kampung-luak-police-launch-probe/	DAYAKDAILY.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
9	LELAKI TIDAK MENGAKU SALAH LAKUKAN AMANG SEKSUAL TERHADAP ANAK TIRI		NEGATIF
	https://www.buletintv3.my/mahkamah/lelaki-tidak-mengaku-salah-lakukan-amang-seksual-terhadap-anak-tiri/	BULETINTV3.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/740290/berita/semasa/lelaki-didakwa-cabul-tunjuk-kemaluan-depan-dua-anak-tiri	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.utusan.com.my/terkini/2025/07/pembantu-pemasaran-kosmetik-didakwa-cabul-dua-anak-tiri/	UTUSAN.COM.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/07/1244715/duda-tidak-mengaku-cabul-tunjuk-kemaluan-terhadap-2-anak-tiri	HMETRO.COM.MY	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/07/25/lelaki-mengaku-tak-salah-amang-seksual-anak-tiri	FREEMALAYSIATODAY.COM	
	https://malaysiagazette.com/2025/07/25/duda-muda-didakwa-cabul-dua-anak-tiri-5-dan-6-tahun/	MALAYSIAGAZETTE.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



26/7/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
	https://www.youtube.com/watch?v=j5vQi4azaXg	YOUTUBE	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
10	SARJAN TENTERA DISYAKI CABUL BUDAK		NEGATIF
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/07/sarjan-tentera-disyaki-cabul-budak/	UTUSAN.COM.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/07/1244677/sarjan-tentera-direman-5-hari-disyaki-cabul-kanak-kanak	HMETRO.COM.MY	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/umpan-aiskrim-sebelum-cabul-kanakkanak-lima-tahun-sarjan-tentera-direman-531107	ASTROAWANI.COM	
	https://www.sinarharian.com.my/article/740280/berita/semasa/umpan-aiskrim-sebelum-cabul-kanak-kanak-lima-tahun-sarjan-tentera-direman	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.kosmo.com.my/2025/07/25/sarjan-direman-semula-disyaki-umpan-budak-guna-aiskrim-sebelum-cabul/	KOSMO.COM.MY	
	https://majoriti.com.my/berita/2025/07/25/umpan-aiskrim-sarjan-tentera-direman-5-hari-disyaki-cabul-budak-perempuan-di-melaka	MAJORITI.COM.MY	
	https://malaysiagazette.com/2025/07/25/sarjan-tentera-umpan-aiskrim-sebelum-disyaki-cabul-budak-5-tahun/	MALAYSIAGAZETTE.COM	
	https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2025/07/1250184/army-sergeant-held-allegedly-molesting-5-year-old	NST.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
11	POLIS TAHAN BURUH LADANG DISYAKI ROGOL REMAJA		NEGATIF
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/07/1244811/polis-tahan-buruh-ladang-disyaki-rogol-remaja	HMETRO.COM.MY	
	https://www.buletintv3.my/jenayah/buruh-warga-asing-ditahan-disyaki-rogol-remaja/	BULETINTV3.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/740349/berita/semasa/lelaki-ditahan-kes-rogol-jiran-usia-16-tahun	SINARHARIAN.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



26/7/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
	https://www.tvsarawak.my/2025/07/25/lelaki-warga-asing-ditahan-disyaki-rogol-remaja-di-tawau/	TVSARAWAK.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
12	PEMANDU LORI MENGAKU TIDAK BERSALAH CABUL ANAK TIRI		NEGATIF
	https://www.buletintv3.my/mahkamah/pemandu-lori-mengaku-tidak-bersalah-cabul-anak-tiri/	BULETINTV3.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/07/1244755/pemandu-lori-dituduh-cabul-anak-ketika-pkp	HMETRO.COM.MY	
	https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2025/07/1250290/lorry-driver-charged-molesting-stepdaughter-during-lockdown	NST.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Anfaal (duduk tengah) bersama peserta pada sesi townhall tersebut hari ini. - Foto AFIQ RAZALI / KOSMO!

Portal SEJAGAT memudahkan pilih taska, pusat penjagaan di Selangor

Oleh MOHD YUNUS YAKKUB 25 Julai 2025, 1:22 pm

SHAH ALAM – Portal pemetaan pusat jagaan kanak-kanak dan warga emas di Selangor akan dilancarkan pada penghujung tahun ini bagi memudahkan masyarakat memilih lokasi yang berhampiran kediaman mereka.

Exco Pembangunan Wanita dan Kebajikan Masyarakat Selangor, Anfaal Saari berkata, ia merupakan sebuah portal dengan menggunakan teknologi kecerdasan buatan (AI) dengan data pusat-pusat berdaftar diperolehi daripada Jabatan Perangkaan dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

"Ia merupakan data dinamik yang boleh kita tambah lagi berdasarkan pendaftaran-pendaftaran baharu.

"Sebagai contoh kita buka geran pusat penjagaan dan mendekati pusat-pusat belum berdaftar untuk diberikan geran. Sekiranya mereka lulus dalam pendaftaran JKM akan terus diletakkan dalam SEJAGAT," katanya.

Terdahulu, beliau merasmikan Townhall Dasar Wanita Selangor dan Ekonomi Penjagaan Selangor di sini, hari ini.

Menurut Anfaal, berdasarkan portal itu akan memudahkan penduduk di negeri ini khususnya mendapatkan maklumat dan informasi mengenai premis penjagaan yang diperlukan mereka.

"Kalau seorang anak cari penjagaan ibu bapa yang stroke yang terdekat dalam kawasan penempatan mereka. Itu (SEJAGAT) akan membantu mereka memilih yang bersesuaian," katanya.

Jelasnya, ia juga bertindak serampang dua mata dalam meransangkan perniagaan bagi penjagaan kesihatan.

"Untuk industri, apabila pemetaan dilakukan, mereka boleh melihat kawasan yang mempunyai potensi dan permintaan tinggi namun penawarananya kurang.

"Jadi, pengusaha boleh bangunkan operasi seterusnya membuka peluang perniagaan dan menambah nilai ekonomi dalam sektor penjagaan kesihatan," katanya. – KOSMO! ONLINE

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Anfaal (duduk tengah) bersama peserta pada sesi townhall tersebut hari ini. -Foto AFIQ RAZALI / KOSMO!

Gerakan taska tak mahu ambil bayi

Oleh MOHD YUSUF YAKUB 25 Julai 2025, 1:38 pm

SHAH ALAM – Segelintir pengusaha taska dikatakan mula mewujudkan gerakan tidak mengambil bayi bawah 12 bulan di premis mereka.

Malah, terdapat juga pengusaha taska meletakkan lebih syarat-syarat sehingga membebankan ibu bapa.

Perkara itu didedahkan Exco Pembangunan Wanita dan Kebajikan Masyarakat Selangor, Anfaal Saari apabila beliau sendiri menerima aduan daripada ibu bapa susulan kerisauan pihak taska terhadap kes-kes termasuk kematian akibat tersedak susu.

Katanya, situasi ini pastinya menyukarkan ibu bapa dalam urusan harian mereka.

"Saya kira kerisauan (ibu bapa) itu valid (sah) dan perlu diberikan perhatian serius kerana sekiranya satu gerakan untuk pengusaha taska tidak mengambil bayi bawah 12 bulan akan menjadi kesukoran kepada wanita bekerja menghantar anak sejurus habis pantang.

"Aduan itu diperoleh saya dan telah minta Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Selangor mendapatkan maklumat lebih mendalam termasuk kesan gaji minima RM1,700 berkuatkuasa 1 Ogos ini," katanya ketika ditemui pemberita selepas Townhall Dasar Wanita Selangor dan Ekonomi Penjagaan Negeri Selangor hari ini.

Beliau memberitahu, kegusaran pengusaha taska itu berkemungkinan dipengaruhi nisbah ketika ini adalah seorang pengasuh untuk tiga bayi.

Ujarnya, ini bermakna penjagaan rapi perlu dilakukan pengusaha taska bagi mengelakkan kes tidak diingini bagi mengelakkan tindakan daripada pihak berkuasa.

"Justeru, saya kira perbincangan perlu dilaksanakan di peringkat Persekutuan khususnya Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat (KPWK) sama ada menyemak semula syarat nisbah itu.

"Selain itu, memberikan subsidi atau bantuan kepada operator supaya beban operasi itu dapat dikurangkan," katanya.

Tegasnya, kerajaan negeri tidak boleh sewenang-wenangnya melonggarkan syarat berkaitan taska ini kerana ia terletak dibawah Akta Taman Asuhan Kanak-kanak.

Beliau turut memaklumkan perhatian perlu diberikan kepada para pengusaha taska yang meletakkan syarat-syarat tambahan persendirian.

"Saya kira syarat dikenakan kalau menjadi hak pengusaha taska. Namun, sekiranya menjadi gerakan besar-besaran ia akan menjadi satu perkara serius yang perlu JKJ (mengambil) penguatkuasaan," tegasnya.

Dalam perkembangan berlainan, kata beliau, berdasarkan rekod sebanyak 1,105 taska telah berdaftar di Selangor setakat ini.

"Yang tidak berdaftar pula 148 taska. Angkanya berubah kerana saya yakin taska baharu dibuka pada tahun ini juga bertambah. Justeru, data itu sangat dinamik.

"Bagi plak taska berdaftar sedang giat dilakukan bagi memudahkan orang ramai mengetahui status sesebuah taska itu," katanya. – KOSMO! ONLINE

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Tangkap layar yang memaparkan caj yang dikenakan seorang pengasuh di Kuala Lumpur bagi menjaga seorang bayi berumur 12 bulan ke bawah.

Pengasuh 'cekik darah' caj seorang bayi RM1,800 sebulan

Oleh KOSMO! 25 Julai 2025, 12:27 pm

PETALING JAYA – “Kalau enam bulan boleh, tapi saya caj lebih sikit dan makanan puan boleh sediakan. Bagi bayi berumur sehingga 12 bulan, RM1,800 sebulan dari pukul 6.30 pagi hingga 7 petang.”

Itu harga yang dikenakan seorang pengasuh di Kuala Lumpur bagi perkhidmatan menjaga setiap bayi.

Perkara itu dibangkitkan seorang wanita menerusi profil @nadyanudin yang sedang mencari perkhidmatan pengasuh anaknya di media sosial.

Lebih tidak masuk akal, bukan sahaja bayi perlu dihantar ke rumah pengasuh, malah ada juga kanak-kanak lain yang turut dijaga bersama dengan caj sedemikian.

“Ibu-ibu nak tanya, memang macam ni ke kadar pengasuh di kawasan Kuala Lumpur? Saya baru nak mula tinjau pengasuh sebab sebelum ni selalu dengar ibu-ibu lain bayar tak sampai RM1,000 pun sebulan untuk bayi.

“Bayi saya ada pembantu juga tetapi kadar pengasuh macam ni, baik sambung (guna) pembantu sajalah, lebih kurang harganya,” luahnya.

Perkongsian wanita itu mengundang perdebatan dalam kalangan pengguna yang rata-rata menyifatkan harga dikenakan terlalu mahal.

“Mahal gila. Letak taska yang seminggu lima hari tu pun sebulan baru RM600. (Ni) sampai RM1,800 ditekannya,” ujar @adrianajsmne.

“Saya hantar anak ke playschool di Ampang. 7.30 pagi hingga 6.30 petang (bayar) RM480 sebulan. Yuran pendaftaran RM200 dan anak saya umur 16 bulan,” kongsi netizen yang lain.

“Dah la makanan awak sediakan, gaji asas sebulan ni. Upah pembantu rumah boleh buat kerja rumah. Taska pun tak ada sampai RM1,800 tapi itulah...,” komen @guladankasih. – KOSMO! ONLINE

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Lima rumah terbakar di Kampung Hilir Sibu pagi ini

🕒 Julai 25, 2025, Jumaat - 11:03am



Tangkap layar perkongsian media sosial

SIBU: Lima buah rumah telah terbakar di Kampung Hilir, di sini pagi tadi.

Jurucakap Pusat Gerakan Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sarawak memberitahu, sepasukan anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Sibu Sentral dan BBP Sungai Merah bergegas ke lokasi kejadian.

“Terima panggilan terus ke bilik kawalan BBP Sibu Sentral maklum terdapat kebakaran rumah seperti di alamat.

“Pasukan Keluaran Operasi (PKO) BBP Sibu Sentral dan BBP Sungai Merah keluar ke lokasi kejadian,” ujarinya.

Ketua JBPM Zon 4 Sibu Andy Alie berada di lokasi kejadian.

Andy berkata, pihak JBPM menerima panggilan kecemasan pada jam 8.11 pagi dari BBP Sibu Sentral.

“Maklumat awal dianggarkan lima buah rumah jenis tidak kekal (kayu) di tebing sungai terbakar.

“Namun begitu jumlah keseluruhan mangsa masih lagi dalam pengumpulan maklumat dan punca kebakaran masih lagi dalam siasatan.

“Pada jam 9.40 pagi, operasi dalam berada keadaan terkawal, maklumat selanjut akan disampaikan dalam masa terdekat,” jelasnya ketika ditemui pemberita.

Ketika ditanya pemberita bahawa terdapat seorang Orang Kelainan Upaya (OKU) terjun dari tingkap untuk menyelamatkan diri.

Andy memberitahu, maklumat daripada orang awam memang ada dan telah dihantar oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) ke hospital.

Berdasarkan maklumat Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), setakat ini terdapat lebih 40 mangsa telah berdaftar.

Sehingga berita ini ditulis, operasi mengawal dan memadam kebakaran sedang dijalankan.

Maklumat lanjut akan menyusul.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Wanita warga emas rentung, lima rumah, kenderaan musnah terbakar

Oleh Zulhisham Isehak - 25 July 2025



Anggota bomba melakukan kerja-kerja memadam kebakaran lima buah rumah di Jalan Francis School, Bukit Siput, Segamat, hari ini.

SEGAMAT – Seorang wanita warga emas rentung dalam kebakaran yang memusnahkan lima rumah dan lima kenderaan di Jalan Francis School, Bukit Siput di sini hari ini.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Bandar Baru Segamat, Timbalan Penguasa Bomba II Mohd Aizad Mamat berkata , pihaknya menerima panggilan kecemasan berhubung kejadian itu pukul 4.36 pagi.

"Setibanya pihak bomba di tempat kejadian, didapati terdapat kebakaran lima buah rumah iaitu tiga buah rumah jenis separuh kekal 22 x 70 x 15 dengan kemusnahan dianggarkan sebanyak 70 peratus.

"Sebuah rumah separuh kekal 22 x 70 x 15 dengan kemusnahan dianggarkan sebanyak 80 peratus.

"Seterusnya sebuah rumah separuh kekal 22 x 70 x 15 kemusnahan dianggarkan sebanyak 80 peratus.

"Kebakaran juga meragut nyawa seorang wanita warga emas iaitu Tan Ah Gek yang berusia 73 tahun," katanya dalam satu kenyataan.

Katanya, kebakaran turut mengakibatkan lima buah kenderaan jenis sedan musnah antara 70 hingga 80 peratus.

Menurutnya, seramai 21 anggota dikejarkan ke tempat kejadian dari BBP Bandar Baru Segamat, BBP Segamat dan BBP Labis dibantu lima buah jentera.

Kebakaran dapat dikawal dan operasi tamat pukul 10.29 pagi manakala punca kejadian dan kerugian masih dalam siasatan, katanya.- MalaysiaGazette

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Ibu tiri disyaki dera, kurung anak 8 tahun

Oleh Reza A Hamid - 25 July 2025



Gambar Hiasan

JASIN – Seorang suri rumah direman empat hari oleh Mahkamah Majistret Jasin, hari ini, kerana disyaki mendera anak tirinya berusia 8 tahun di rumahnya di Merlimau di sini, Rabu lalu.

Perintah reman terhadap suspek berusia 28 tahun itu dikeluarkan Majistret Mazana Sinin bermula hari ini sehingga 28 Julai ini bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001.

Menurut sumber, perbuatan suspek terbongkar selepas saudara suspek dimaklumkan oleh ahli keluarganya yang lain mengenai perbuatan wanita berkenaan terhadap anak tirinya, Rabu lalu.

“Suspek dikatakan telah memukul dan mengurung kanak-kanak perempuan berusia 8 tahun itu di dalam bilik pada petang Rabu lalu ketika ayah kandung mangsa keluar bekerja sebagai pemandu lori.

“Badan mangsa juga dikatakan mempunyai kesan luka lama dan merayu kepada suspek supaya tidak diperlakukan begitu namun tidak diendahkan suri rumah berkenaan,” katanya.

Tambahnya bertindak hasil laporan polis, sepasukan anggota dari Bahagian D11 (Siasatan Seksual, Wanita dan Kanak-Kanak) Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Melaka telah menahan suspek semalam untuk permohonan reman hari ini.

“Pol 59 juta telah dikeluarkan kepada mangsa untuk pemeriksaan di hospital,” katanya. – MalaysiaGazette.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Keputusan kes bekas pelajar kolej bunuh bayi ditetapkan 8 Ogos

BERNAMA



GAMBAR hiasan

Georgetown: Mahkamah Tinggi di sini, hari ini menetapkan 8 Ogos depan sebagai tarikh keputusan kes seorang bekas pelajar kolej swasta yang didakwa membunuh bayi perempuannya yang baru dilahirkan, lima tahun lalu.

Hakim Rofiah Mohamad membuat keputusan itu selepas mendengar hujah Timbalan Pendakwa Nurul Khairiah Dahalaan, peguam RSN Rayer dan Pegawai Perintah Khidmat Masyarakat, Jabatan Kebajikan Masyarakat Timur Laut Mohd Zahir Harun.

Rofiah berkata, mahkamah memerlukan masa untuk membuat keputusan bagi meneliti laporan sosial yang dikemukakan serta hujah pihak pendakwaan dan rayuan pihak pembelaan.

Terdahulu, Rayer memohon agar mahkamah mempertimbangkan umur tertuduh ketika kesalahan dilakukan iaitu 18 tahun yang disifatkan sebagai pesalah muda serta tempoh tahanan reman selama empat bulan sebagai faktor mitigasi bagi menggantikan hukuman penjara sebagai jaminan atau bon berkelakuan baik.

"Anak guam saya mengalami masalah kemurungan teruk dan disahkan oleh Hospital Bahagia Ulu Kinta, Perak ketika mendapatkan laporan perubatan pada 16 Jun 2022 serta telah melalui fasa *living in hell* akibat tohmahan masyarakat sehingga hari ini yang boleh dikatakan satu hukuman juga," katanya.

Beliau turut memohon mahkamah agar mengambil kira latar belakang wanita itu sebagai pelajar cemerlang di sekolah serta tekanan emosi yang dialami tertuduh dan keluarganya akibat kejadian tersebut.

Nurul Khairiah pula memohon mahkamah menjatuhkan hukuman setimpal dengan mengambil kira kepentingan awam meskipun tertuduh dikira pesalah muda.

Beliau berkata, hasil forensik juga mengesahkan bayi berkenaan dilahirkan dalam keadaan masih hidup dan tertuduh dilaporkan membalut mangsa dengan sehelai kemeja-T sebelum membuangnya keluar dari tingkap rumah.

"Sekiranya bayi perempuan tersebut masih hidup, beliau akan tumbuh membesar menjadi seorang bayi perempuan yang comel dengan usia lebih kurang empat tahun dalam dunia," katanya.

Tertuduh, yang kini berusia 23 tahun, didakwa melakukan perbuatan itu di Apartmen Sri Ivory di Bandar Baru Ayer Itam di sini pada 8.25 pagi 10 Julai 2020 mengikut Seksyen 309 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman maksimum penjara 20 tahun dan denda, jika sabit kesalahan.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Mayat bayi disangkakan patung ditemui terapung dalam parit

🕒 Julai 25, 2025, Jumaat - 2:38pm



Mayat bayi yang disangkakan patung ditemui terapung dalam parit di Luak Esplanade, pagi tadi.

MIRI: Mayat bayi yang masih bertali pusat ditemui terapung dan hanyut dalam parit di sebuah kawasan perumahan di sini, pagi tadi.

Penemuan itu dibuat sekitar jam 9.30 pagi oleh pekerja yang sedang menjalankan kerja pemasangan di kawasan perumahan berhampiran Luak Esplanade.

Ketika wartawan The Borneo Post pergi untuk memeriksa di tempat kejadian kira-kira jam 12 tengah hari, pekerja itu mendedahkan bahawa mereka sedang menggali parit untuk memasang kabel apabila terlihat apa yang kelihatan seperti patung mainan terapung.

Setelah diperiksa lebih dekat, mereka terkejut apabila mendapati ia adalah mayat bayi sebenar.

Mereka kemudian menghubungi polis untuk tindakan selanjutnya.

Ketua Polis Daerah Miri ACP Mohd Farhan Lee Abdullah yang dihubungi berkata, polis akan melancarkan siasatan berhubung kes itu.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Lelaki tidak mengaku salah lakukan amang seksual terhadap anak tiri

🕒 25 Julai 2025, 3:18pm



Foto hiasan

ALOR GAJAH: Pembantu pemasaran produk kosmetik didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, hari ini, atas pertuduhan melakukan amang seksual fizikal dan bukan fizikal terhadap dua anak perempuan tirinya berusia lima dan enam tahun sejak Mei lalu.

Tertuduh berusia 27 tahun bagaimanapun mengaku tidak bersalah dan mohon dibicarakan terhadap semua pertuduhan dalam prosiding di hadapan Hakim Aiza Khairuddin.

Bagi pertuduhan pertama dan kedua, lelaki itu didakwa melakukan amang seksual fizikal terhadap dua kanak-kanak perempuan di sebuah bilik dan bilik air di sebuah rumah dekat sini, pada waktu malam antara 11 Mei dan 5 Julai lalu.

Dia didakwa mengikut Seksyen 14 (a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak (AKSTK) 2017 yang boleh dihukum mengikut akta sama, sabit kesalahan boleh dihukum penjara maksimum 20 tahun dan sebat.

Tertuduh juga dituduh mengikut Seksyen 15(a)(i) AKSTK 2017 kerana melakukan amang seksual fizikal bukan fizikal dengan cara menunjukkan kemaluannya kepada kedua mangsa sama di dapur rumah pada tarikh yang sama.

Jika disabitkan kesalahan seksyen itu memperuntukkan hukuman penjara maksimum 10 tahun atau denda maksimum RM20,000 atau kedua-duanya sekali.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya Muhamad Ali Hussain, manakala tertuduh diwakili Mohd Anif Rafih.

Pihak pendakwa mencadangkan jaminan sebanyak RM20,000 bagi semua pertuduhan dengan seorang penjamin berserta syarat melapor diri di balai polis berhampiran sekali sebulan setiap minggu pertama dan dilarang mengganggu saksi pendakwaan termasuk mangsa.

Bagaimanapun, Mohd Anif merayu jaminan ditetapkan RM12,000 atas alasan tertuduh hanya bekerja sebagai pembantu pemasaran dalam talian bagi produk kosmetik dengan pendapatan RM2,000 sebulan.

"Tertuduh juga menanggung kedua mangsa dan seorang anak kandungnya berusia dua tahun yang kini dijaganya ibunya di Pendang, Kedah.

"Anak guam saya juga tiada masalah dengan syarat tambahan ditetapkan dan berjanji tidak mengganggu mangsa," katanya.

Mahkamah kemudian menetapkan jaminan sebanyak RM15,000 dengan seorang penjamin berserta syarat tambahan dipohon pendakwaan dan menetapkan 25 Ogos depan untuk sebutan semula kes.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Sarjan tentera disyaki cabul budak



SUSPEK diiringi anggota polis ketika dibawa ke Mahkamah Majistret, Alor Gajah, Melaka untuk mendapatkan perintah reman. - UTUSAN/MUHAMMAD SHAHIZAM TAZALI

Oleh MUHAMMAD SHAHIZAM TAZALI 25 Julai 2025, 1:22 pm

ALOR GAJAH: Seorang anggota tentera berpangkat sarjan direman lima hari oleh Mahkamah Majistret di sini, hari ini selepas disyaki mencabul kanak-kanak perempuan berusia lima tahun, Januari lalu.

Perintah reman sehingga 29 Julai ini dikeluarkan Majistret Dr. Teoh Shu Yee terhadap suspek lelaki berusia 32 tahun itu bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 14 (a) Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak (AKSTK) 2017.

Kejadian terbongkar pada 9 Julai lalu selepas mangsa menceritakan perbuatan suspek kepada ibunya.

"Kejadian dipercayai berlaku di kawasan taman perumahan mereka pada petang Januari lalu. Mangsa mendakwa suspek yang dikenali ibu dan bapanya telah mempelawanya bersiar-siar di kawasan taman perumahan dengan menaiki kereta.

"Ketika itu mangsa sedang dalam perjalanan pulang dari tadika. Suspek kemudian dikatakan mengajak mangsa untuk membeli aiskrim dan selepas itu bertindak mencabulnya," kata sumber.

Sumber berkata, mangsa yang merupakan anak bongsu daripada lima beradik mendakwa suspek kerap mengulangi perbuatan keji itu.

"Bertindak hasil daripada maklumat, polis kemudian menahan suspek petang semalam bagi mendapatkan perintah reman hari ini," katanya.

Pada Mei lalu, suspek dituduh di Mahkamah Sesyen, Ayer Keroh atas lima pertuduhan termasuk merogol dan melakukan amang seksual fizikal terhadap seorang pelajar perempuan berusia 13 tahun yang juga merupakan kakak kepada mangsa. - [UTUSAN](#)

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Polis tahan buruh ladang disyaki rogol remaja

Abdul Rahemang Taiming
am@hmetro.com.my



GAMBAR hiasan

Tawau: Buruh warga asing ditahan polis semalam, selepas disyaki merogol remaja perempuan berusia 16 tahun di sebuah ladang di sini, kelmarin.

Lelaki berusia 34 tahun itu ditahan dalam operasi dijalankan anggota Bahagian Siasatan Jenayah Daerah (BSJD) IPD Tawau bersama Balai Polis Bombalai dan polis bantuan ladang, kira-kira 9 malam.

Ketua Polis Daerah Tawau, Asisten Komisioner Jasmin Hussin berkata, dalam laporan dibuat, mangsa mendakwa kejadian berlaku pada 11.30 pagi Rabu di sebuah rumah di ladang berkenaan.

"Mangsa kemudian memberitahu rakannya mengenai kejadian, sebelum tampil membuat laporan polis," katanya dalam kenyataan hari ini.

Katanya, polis turut merampas pakaian dipakai suspek pada hari kejadian dan dia kini disiasat mengikut Seksyen 376(1) Kanun Keseksaan.

"Soal siasat awal mendapati suspek tiada rekod jenayah lampau," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Pemandu lori mengaku tidak bersalah cabul anak tiri

🕒 25 Julai 2025, 4:27pm



Pemandu lori dituduh amang seksual anak tiri di Segamat sejak empat tahun lalu – FOTO NSTP

MUAR: Pemandu lori yang mengambil kesempatan melakukan amang seksual fizikal terhadap anak tiri termasuk ketika pelaksanaan Perintah Kawalan Diperketatkan (PKP) dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini, hari ini.

Tertuduh berusia 38 tahun mengaku tidak bersalah terhadap kesemua enam pertuduhan yang dikemukakan jurubahasa di hadapan Hakim Sayani Mohd Nor.

Mengikut pertuduhan pertama hingga kelima, bapa kepada seorang anak hasil perkahwinan dengan ibu mangsa didakwa melakukan perbuatan itu terhadap anak tiri perempuan berusia 11 tahun ketika kejadian.

Perbuatan itu dilakukan di sebuah rumah serta dalam kereta di Segamat, antara 7 pagi hingga 11.30 malam, 28 Jun hingga 15 Ogos 2021.

Bagi pertuduhan keenam, tertuduh didakwa melakukan perkara sama terhadap mangsa dalam sebuah kereta, 10 malam, 2 April lalu.

Untuk kesemua pertuduhan ini, dia didakwa mengikut Seksyen 14 (a) dan (b), Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak (AKKSTKK) 2017, penjara sehingga 20 tahun dan sebatan, jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Diyana Najihah Muhamed Fauzi manakala tertuduh diwakili peguam, Swarnamugli Parry.

Terdahulu, pihak pendakwaan tidak menawarkan ikat jamin atas faktor keselamatan memandangkan tertuduh tinggal bersama mangsa.

Mahkamah membenarkan permohonan pihak pendakwaan dan sebutan semula ditetapkan pada 28 Ogos ini untuk serahan dokumen.